

2 MAR 1996

Mahathir-tembok

TEMBOK SEMPADAN DALAM BAHAGIAN MALAYSIA

Oleh: K.C.Leong and Ahmad Zukiman Zain

BANGKOK, 2 Mac (Bernama) -- Tembok yang sedang dibina oleh Malaysia berhampiran sempadannya dengan Thailand bagi menghalang pendatang tanpa izin dan kegiatan penyeludupan terletak dalam wilayah negara ini dan bukannya betul-betul di garisan sempadan bersama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mahamad hari ini berkata beliau telah menjelaskan perkara berkenaan kepada rakan sejawatannya dari Thailand Banharn Silpa-archa dalam pertemuan mereka, yang merupakan acara sampingan kepada Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di sini pagi ini.

Tembok berkenaan didirikan di dalam wilayah Malaysia dan pada jarak tertentu dari sempadan sebenar yang telah diukur kerana pihak berkuasa Malaysia memerlukan ruang untuk memeriksa keadaan kedua-dua belah tembok berkenaan tanpa memasuki wilayah Thailand.

"Saya rasa Thailand faham keperluan Malaysia terhadap tembok itu yang bertujuan menghalang pendatang tanpa izin daripada memasuki Malaysia serta kegiatan penyeludupan dadah dan barang-barang lain," kata Dr Mahathir.

Beliau menjelaskan bahawa pendatang tanpa izin berkenaan bukannya terdiri daripada rakyat Thailand tetapi rakyat negara-negara lain yang bersempadan dengan Thailand yang memasuki Thailand sebelum menyeberang masuk ke Malaysia secara haram.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Thailand berkongsi sempadan yang panjang yang sebahagian besarnya merentasi hutan tebal dan ini menyukarkan pihak berkuasa kedua-dua negara untuk mengawasinya.

Beliau berkata bahawa pertemuannya dengan Banharn itu berlangsung dalam suasana mesra kerana tidak ada masalah besar dalam hubungan dua hala.

Merujuk kepada isu perikanan ekoran pencerobohan nelayan-nelayan Thailand ke perairan Malaysia, Dr Mahathir berkata perkara berkenaan telah diselesaikan.

Malaysia sebenarnya menyambut baik penyertaan Thailand dalam industri perikanan negara tetapi ia mahu supaya hasil tangkapan didaratkan di Malaysia. Beliau menjelaskan bahawa sebelum ini hasil tangkapan didaratkan di Selatan Thailand dan beliau tidak menyalahkan Thailand kerana sebelum ini Malaysia tidak mempunyai kemudahan pendaratan ikan yang mencukupi.

Beliau berkata Malaysia dan Thailand bersetuju bahawa sedikit pengampunan dipertimbangkan untuk rakyat Thailand yang ditahan di penjara-penjara Malaysia kerana jenayah biasa dan bukannya tahanan politik.

Difahamkan bahawa ramai nelayan Thailand apabila ditahan kerana menangkap ikan secara haram di perairan Malaysia tidak mampu untuk membayar denda yang dikenakan oleh mahkamah dan terpaksa menjalani hukuman penjara.

-- BERNAMA

LKC AZZ MZ MAI